

03 NOV 1997

G15-Mesir

PENIAGA MALAYSIA DISERU CARI PELUANG PERNIAGAAN DI MESIR

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Ahli-ahli perniagaan Malaysia diseru mencari peluang perniagaan di Mesir memandangkan pelaburan Malaysia di negara itu masih kecil, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini.

Dalam temuramah dengan sebuah stesen televisyen Mesir yang membuat liputan sidang kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) di sini, Rafidah berkata: "Kita menjangka ahli perniagaan Malaysia akan ke Mesir untuk melihat sendiri peluang-peluang dalam program penswastaan dan pembangunan infrastruktur di negara itu."

Beliau berkata, Mesir perlu memberi maklumat mengenai insentif yang ditawarkan seperti insentif fiskal dan kemudahan pelaburan.

"Pelaburan Malaysia di Mesir masih kecil berbanding pelaburannya di seluruh dunia," kata beliau.

Pelancaran pangkalan data dalam talian G15, yang mengandungi pelbagai maklumat mengenai perniagaan di negara-negara membangun, pasti dapat membantu pelabur masa depan, kata Rafidah.

Mengenai Pameran Perdagangan G15 dan Pameran Produk Malaysia yang diadakan sempena sidang kemuncak itu, Rafidah berkata ia merupakan kaedah yang baik untuk memperkenalkan produk-produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh negara-negara G15.

"Sudah pasti, bukan semua barangan boleh dipamerkan tetapi ia sekurang-kurangnya memberikan mereka idea dan pelancaran Buku Panduan G15 oleh (Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) akan melengkapkan lagi usaha itu," kata beliau.

Beliau berkata, ia juga satu kaedah mempromosi rangkaian sektor swasta.

Ditanya mengenai krisis mata wang, Menteri itu berkata ia tidak boleh diselesaikan oleh Malaysia sahaja.

"Sebab itulah kita menyeru negara-negara G15 untuk meneliti masalah ini dan lihat bagaimana kita boleh membawa bersama masyarakat dunia untuk memberikan input ke arah memperkenalkan sedikit disiplin bagi urusan mata wang dan pasaran saham," kata Rafidah.

G15 terdiri daripada Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela and Zimbabwe.

Kenya diterima sebagai anggota ke 16 semasa persidangan itu di sini. --  
BERNAMA

MAM SK PR